

KUALA LUMPUR, 19 NOV. (BERNAMA)—KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG MENKAJI SATU RANCANGAN LATIHAN YANG LEBIH BESAR SUPAYA LEBIH BANYAK LAGI GURU-GURU SEMENTARA DAPAT DIBERI LATIHAN SEGERA, MENTERI BERKENAAN, KDR. MAHATHIR MOHAMED MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI.

BELIAU MENJAWAB SOALAN DR. TAN CHEE KHOON (PEKEMAS - KEPONG) YANG BERTANYA RANCANGAN KERAJAAN UNTUK MELATIH 12,000 GURU SEMENTARA YANG ADA SEKARANG.

BELIAU BERKATA RANCANGAN-RANCANGAN LAIN UNTUK MELATIH GURU-GURU SEMENTARA IALAH: . MEREKA YANG MEMENUHI SEMUA SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI AKAN DIBERI LATIHAN PERGURUAN DALAM MASA CUTI MASA KESEMASA MENGIKUT KEPERLUAN PERKHIDMATAN DAN . MEREKA YANG LAYAK BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN KEPADA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN UNTUK MENDAPAT LATIHAN PERGURUAN SEPENUH MASA DI MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN APABILA IKLAN DISIARKAN DALAM AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN.

KEPADA SOALAN TAMBAHAN DR. TAN MENGAPA GURU-GURU SEMENTARA ITU TIDAK DIAMBIL MENJADI GURU TETAP, DR. MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA TERLALU RAMAI GURU SEMENTARA TIDAK SEMUA DARI MEREKA MENDAPAT TEMPAT DALAM MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN YANG SANGAT TERHAD.

KATANYA, PERKEMBANGAN PELAJARAN AMAT PESAT DI NEGARA INI DENGAN PERTAMBAHAN GURU-GURU SEBANYAK 700 PERATUS DARI 10,000 WAKTU MERDEKA KEPADA 70,000 SEKARANG. -- BERSAMBUNG 1740/1B

31:
PARLIMEN - LATHAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU TIDA DAPAT MEMBERI JAMINAN KEKURANGAN GURU-GURU TIDAK AKAN BERLAKU TETAPI KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN CUBA MENGATASI KEKURANGAN ITU.

MENJAWAB SOALAN ENCIK CHIAN HENG KAI (DAP - BATU GAJAH), DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIAN TIDAK BERCADANG HENDAK MENJALAN KAN KURSUS BERASINGAN BAGI MELATIH GURU-GURU YANG BAKAL MENGAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CHINA).

INI IALAH KERANA KURSUS-KURSUS PERGURUAN YANG DIJALANKAN SEKARANG AKAN MEMASTIKAN KETINGGIAN MUTU PENGAJARAN DALAM BAHASA CHINA DI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT.

KATANYA, CALUN-CALUN YANG DIAMBIL BAGI MENGIKUTI KURSUS ITU DIKEHENDAKI MEMENUHI BEBERAPA SYARAT KELULUSAN DALAM BAHASA CHINA. -BERNAMA 1745/1B